

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 16 OGOS 2019

MUKA SURAT: 4

Mayat remaja Ireland ditemui

Kronologi kehilangan Nora Anne Quoirin

3 Ogos 2019

» Nora Anne Quoirin, 15, tiba di Resort The Dusun Pantai Hill, Seremban, Negeri Sembilan bersama keluarganya untuk bercuti.

4 Ogos 2019

» Ahli keluarga menyedari kehilangan mangsa kira-kira jam 8 pagi sebelum melaporkan kepada pihak polis.

» Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) dilancarkan untuk mengesan mangsa dibantu pihak bomba dan unit K9.

5 Ogos 2019

» Unit Udara PDRM turut serta operasi SAR dengan menggunakan helikopter di kawasan sekitar.

» Platun Batalion 4 Gerakan Am (PGA) Cheras turut serta dalam operasi SAR itu.

» Ketua Polis Negeri Sembilan Datuk

Mohamad Mat Yusop mengklasifikasi kes itu sebagai orang hilang dan nafikan mangsa diculik.

6 Ogos 2019

» Operasi SAR diteruskan dengan kekuatan 159 anggota dari pelbagai agensi keselamatan serta meluaskan skop kawasan pencarian.

» Anggota mengalami kesukaran apabila jejak mangsa hanya dapat dikesan pada jarak 100 meter.

7 Ogos 2019

» Operasi SAR diteruskan dengan menumpu kawasan sungai dan beberapa kawasan berhampiran.

» Polis merakam keterangan 20 individu termasuk ahli keluarga.

8 Ogos 2019

» Pasukan SAR menggunakan kaedah baharu dengan merakamkan suara ibu mangsa, Maehb Jaseprine Quoirin serta kamera khas pada helikopter

untuk bantu mengesan Nora Anne.

9 Ogos 2019

» Penduduk lakukan solat hajat di Masjid Kariah Pantai.

» 23 Anggota Komando VAT 69 turut serta dalam operasi SAR yang kini memasuki hari keenam.

10 Ogos 2019

» Skop kawasan pencarian Nora Anne dikecilkan kepada 4km radius berbanding 6km sebelum ini.

» Kekuatan anggota SAR ditambah kepada 317 orang berbanding 261.

11 Ogos 2019

» Polis lancar hotline khas OP SAR untuk memudahkan orang ramai menyalurkan maklumat.

12 Ogos 2019

» Fokus pencarian tertumpu pada kawasan Gunung Berembun.

» Keluarga mangsa umum ganjaran RM50,000 kepada sesiapa yang

berjaya temui mangsa.

13 Ogos 2019

» Polis temui mayat mangsa kira-kira 2.5km dari kawasan resort penginapan.

14 Ogos 2019

» Proses bedah siasat dilakukan di Hospital Tuanku Ja'afar selama 10 jam bermula jam 11.45 pagi sehingga 9 malam.

15 Ogos 2019

» Polis sahkan mangsa mati akibat kebocoran usus yang berpunca daripada tidak makan selain stress berpanjangan.

» Hanya terdapat calar kecil pada kaki mangsa (tetapi tidak menjerus kepada kematiannya).

» Mangsa dipercayai mati dua sehingga tiga hari sebelum mayat ditemui.

» Tiada kesan dirogol serta elemen dilarikan atau diculik.



Pegawai polis dari Ireland dan Perancis turut kelihatan di Jabatan Forensik Hospital Tuanku Jaafar (HTJ) di Seremban.

(Foto Iqmal Haqim Rosman/BH)

Nora Anne kelaparan, tertekan

Hasil bedah siasat mendapati tiada kesan luka, unsur jenayah

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
tuty@bh.com.my

Seremban: Punca kematian Nora Anne Quoirin yang ditemui Selasa lalu selepas 10 hari hilang dari sebuah resort di Pantai, dekat sini, disahkan akibat kelaparan dan tekanan dalam tempoh panjang.

Isa hasil bedah siasat kira-kira 10 jam bermula 11.45 pagi kelmarin yang turut mendapati tiada kesan luka atau unsur jenayah yang boleh dikaitkan dengan kematian mangsa, sekali gus menolak dakwaan remaja perempuan itu dilarikan, diculik atau dirogol.

Bedah siasat dikendalikan Pakar Patologi Forensik Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr Siew Sheue Feng dan Pakar Forensik Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) di sini, Dr Hanif Mohammad sambil dibantu pakar dari Jabatan Kimia, Dr Aidora Saedon serta Sufian Arshad Ahmad dari Jabatan Forensik.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop ketika mengumumkan hasil bedah siasat itu pada sidang media di sini semalam, berkata remaja istimewa berkenaan meninggal dunia akibat kebocoran usus kerana tidak makan untuk tempoh panjang.

"Mangsa dipercayai mati dua hingga tiga hari sebelum mayatnya ditemui dan tidak lebih daripada empat hari. Tidak ada kesan atau tanda Nora Anne dirogol,



Mohamad pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan, semalam.

(Foto Hastiyasyah Sabudin/BH)

ada sedikit calar-calar dan luka-luka kecil di kaki, namun ia tidak menjerus kepada kematian mangsa," katanya.

Mayat Nora Anne ditemui jam 1.57 tengah hari Selasa lalu, genap 10 misi pencariannya yang disertai pelbagai agensi termasuk polis, tentera, bomba dan Angkatan Pertahanan Awam yang dibantu penduduk tempatan termasuk Orang Asli serta pendaki sukarelawan.

Kehilangan dan kematian tragik remaja istimewa itu yang bapanya dari Perancis dan ibunya dari Ireland, menarik perhatian dan menyentuh hati bukan sahaja rakyat Malaysia, te-

Tidak ada kesan atau tanda Nora Anne dirogol, ada sedikit calar dan luka kecil di kaki, namun ia tidak menjerus kepada kematian mangsa.

Mohamad Mat Yusop,
Ketua Polis Negeri Sembilan

tapi juga mereka di luar negara.

Mohamad berkata, beberapa sampel daripada tubuh Nora Anne juga diambil serta dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis dan keluarga remaja itu boleh pada bila-bila masa menuntut mayatnya dari Jabatan Forensik HTJ, di sini.

"Tiada tempoh masa sehingga bila mayat boleh dituntut dan mereka boleh menuntut pada bila-bila masa. Namun, setakat ini keluarga remaja berkenaan dimaklumkan belum membuat sebarang persiapan untuk tujuan itu," katanya.

Mengenai keputusan Pejabat

Pendakwa Raya Perancis membuka siasatan jenayah terhadap kes itu, Mohamad berkata, beliau tidak mengetahui mengenai perkara itu.

"Bagaimanapun, pihak Perancis, Ireland dan United Kingdom terbabit dalam membantu siasatan kes ini," katanya.

Sementara itu, beliau yang mengesahkan polis sudah menerima laporan mengenai perbualan seorang pengguna laman sosial Twitter memuat naik ciapan mendakwa remaja itu dirogol oleh Orang Asli, berkata pihak berkuasa akan mengesan pemilik akaun berkenaan dengan segera.